

**KAJIAN TERHADAP LITERASI KOMPUTER DI KALANGAN
SISWA-SISWI
UITMKS**

OLEH :

**SITI ROKAYAH BT. MOHD. NAWAWI
PATRICIA ROBERT TASSER
DINO BALAN
MICHAEL SABEK
MOHAMMAD ZULKARIA BIN SAKAWI**

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN
SARAWAK**

DISEMBER 2000

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Isi Kandungan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Istilah Kajian	v
Daftar Graf	vi
Bab Satu PENGENALAN	
1.0 Pengenalan kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Hipotesis	9
1.7 Andaian	10
1.8 Rangka Susunan Bab	11
Bab Dua ULASAN KARYA	
2.0 Definisi Komputer	13
2.1 Sejarah Ringkas Komputer	15
Bab Tiga KAEDAH KAJIAN	
3.0 Populasi Kajian	26
3.1 Sampel	26
3.2 Kaedah Persampelan	27
3.3 Bentuk-Bentuk Maklumat	27
Bab Empat KEPUTUSAN	
4.0 Pengenalan	31
4.1 Profail Responden	32
4.2 Pengujian dan Ulasan Hipotesis	42
Bab Lima PENUTUP	
5.0 Rumusan	50
5.1 Cadangan	55
5.2 Kesimpulan	57
BIBLIOGRAFI	60
LAMPIRAN	

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membentangkan kajian berkenaan dengan literasi komputer di kalangan siswa-siswi Universiti Teknologi MARA , Kampus Samarahan Sarawak. Untuk mencapai matlamat tersebut , seramai 150 orang responden dipilih. Mereka ini adalah antara pelajar yang terpilih daripada setiap kursus di Universiti Teknologi MARA , Kampus Samarahan. Antara hipotesis yang diuji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan sikap para pelajar terhadap matapelajaran komputer , tahap pemahaman , pengetahuan dan kemahiran pelajar yang berasal dari luar bandar terhadap penggunaan komputer dan perhubungan antara latarbelakang keluarga dengan pencapaian akademik. Antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan analisa data ialah temuduga , pemerhatian dan pengedaran borang soal selidik. Kajian ini mendapati bahawa tahap pemahaman, pengetahuan dan kemahiran para pelajar dalam penggunaan komputer adalah sederhana dan antara punca yang menyebabkan masalah kurangnya pemahaman, pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer di kalangan para pelajar ialah sikap pelajar itu sendiri dan kurangnya pendedahan dalam aspek perkomputeran. Didapati pula bahawa pelajar yang mempunyai komputer peribadi mampu menguasai dan menggunakan komputer dengan baik. Selain itu, terdapat perbezaan tahap literasi komputer antara pelajar dari luar bandar dengan pelajar yang berasal dari bandar, di mana pelajar dari bandar mempunyai tahap literasi yang tinggi berbanding dengan pelajar dari luar bandar.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan Kajian

Selaras dengan saranan kerajaan untuk menuju ke arah IT (Teknologi Maklumat), adalah amat penting bagi semua untuk tahu menggunakan komputer iaitu celik komputer atau literasi komputer tanpa mengira peringkat umur, tua atau muda.

Apakah yang dikatakan literasi komputer? Literasi Komputer boleh didefinisikan sebagai kefahaman asas seseorang terhadap apa yang komputer boleh dan tidak boleh lakukan. Selain itu seseorang telah menggunakan komputer sebagai satu alat pada satu tahap peribadi dan juga professional. Ia juga boleh berinteraksi dengan komputer dan menggunakan pemprosesan perkataan, pengkalan data, lembaran hamparan atau aturcara perniagaan yang serupa dan mempunyai beberapa idea mengenai implikasi sosial yang disebabkan oleh teknologi komputer.

Kajian ini hanya ditumpukan di kalangan siswa-siswi Universiti Teknologi MARA, Kampus Samarahan sahaja. Secara umumnya kajian ini dilakukan untuk melihat takat pemahaman asas atau celik komputer di kalangan pelajar sama ada berupaya mengendalikan dan menguruskan komputer atau sebaliknya.

Literasi Komputer harus ada di kalangan pelajar bagi mencapai matlamat program pendidikan Universiti Teknologi MARA iaitu untuk melahirkan Mahasiswa Mahasiswi yang berkaliber, profesional, berdikari dan berilmu agar mampu bersaing dalam bidang perdagangan, keusahawanan dan bidang sains dan teknologi. Ini selaras dengan wawasan yang dibentuk oleh UiTMKS iaitu untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang unggul dalam bidang pendidikan sains dan teknologi selaras dengan wawasan 2020.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Definisi Komputer

Komputer dan perkomputeran memiliki sejarah yang panjang dan menakjubkan. Perkembangan perkomputeran menyebabkan cara penggunaan komputer bertambah kompleks. Pelbagai program dicipta untuk kepentingan dan memudahkan lagi urusan dan aktiviti yang berkaitan dengan perkomputeran. Kemajuan, perkembangan dan kecanggihan ini menimbulkan masalah kepada pengguna terutamanya bagi pengguna-pengguna yang tidak tahu tentang perkembangan komputer dan aplikasi penggunaannya. Oleh itu, adakah setiap pengguna mampu menggunakan komputer dengan baik? Persoalan ini hanya akan terjawab bergantung kepada tahap kefahaman, pengetahuan dan kemahiran seseorang itu terhadap apa yang komputer boleh buat dan tidak boleh buat.

Sebelum membincang dengan lebih lanjut mengenai literasi komputer serta pendapat-pendapat tokoh-tokoh, penulis serta individu-individu yang terlibat dalam dunia komputer terutamanya mengenai permasalahan yang melibatkan penggunaan komputer, elok kiranya kita tinjau apa yang dikatakan komputer.

Istilah komputer berasal dari perkataan Latin iaitu "*Computare*" yang bermaksud mengira. Komputer adalah sejenis peranti (device) pengiraan, pemprosesan perkataan dan operasi kawalan proses yang boleh menerima data-data di samping menjalankan siri-siri operasi aritmetik dan logik keatas data-data tersebut serta mengeluarkan hasil operasi sebagai maklumat-maklumat yang berguna untuk para penggunanya¹. Komputer juga berupaya menyimpan serta memanggil kembali jumlah-jumlah maklumat yang banyak.

¹ Zaini Md. Jana, Prinsip Sistem Pengoperasian, Kuala Lumpur, DBP, Muka surat 13